

KANDUNGAN

Seni Visual (970/1)	<i>1 – 2</i>
Seni Visual (970/2)	<i>3</i>

SENI VISUAL (970/1)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 2019, sebanyak 8 429 calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 62.9% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.44	5.01	4.07	6.99	11.92	12.39	12.08	5.84	7.40	4.00	19.86

RESPONS CALON

KERTAS 1 (*Apresiasi Seni Visual*)

Komen am

Kertas ini ialah kertas esei bertulis yang terdiri daripada bahagian (a), iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian (b) dan (c) pula ialah bahagian soalan esei panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah sederhana. Kebanyakan calon dilihat lemah dalam menguasai kandungan sukatan. Ramai calon yang tidak merancang jawapan yang berkualiti.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A

- S.1 Soalan ini perlu dijawab pada dua bahagian iaitu bahagian (a) dan (b). Pada bahagian (a) calon menghendaki menyatakan hal benda dalam karya Yusof Ghani yang bertajuk *BIRING XLIV*. Manakala pada bahagian (b), calon perlu menjelaskan tiga kesan visual yang terdapat dalam karya itu. Kehendak soalan ini ialah mudah namun majoriti calon tidak dapat menjawab soalan dengan baik kerana karya ini adalah karya abstrak. Calon tidak dapat mentafsir garisan-garisan kasar yang dihasilkan dalam karya ini. Hal ini juga memberi kesan kepada jawapan calon untuk menjelaskan kesan visual yang dapat dilihat dalam karya.
- S.2 Soalan ini menghendaki calon untuk menghuraikan maksud kronologi, masa, dan gaya dalam penelitian terhadap karya seni. Calon dilihat lemah dalam kefahaman istilah-istilah asas ini. Calon lebih banyak menjelaskan cara penghasilan karya dilakukan dan bukan berasaskan sejarah.
- S.3 Untuk soalan ini calon dikehendaki menghuraikan pengertian seni visual dari aspek komunikasi visual dan reka bentuk persekitaran. Majoriti calon memberikan fakta berdasarkan pengetahuan asas mereka tanpa mengaitkan lebih mendalam dengan pengertian seni visual. Malah terdapat juga calon yang masih lemah dengan istilah asas dalam seni ini.
- S.4 Soalan ini berdasarkan karya *Drift No 2* oleh Bridget Riley. Calon dikehendaki untuk membuat penilaian terhadap karya berdasarkan strategi kritikan seni visual iaitu deskripsi, analisis, interpretasi, dan pertimbangan. Majoriti calon mengulang-ulang jawapan yang sama pada makna-

makna strategi tersebut tanpa membezakannya. Malah majoriti calon juga tidak mengaitkan penilaian strategi kritikan seni itu dengan gambar karya yang diberikan.

BAHAGIAN B

- S.5 Soalan ini menghendaki calon menjelaskan kesan visual dalam karya yang bertajuk *Ripple Surface*. Soalan ini menjadi yang kedua pilihan ramai calon untuk menjawabnya. Majoriti calon dapat menjelaskan kesan visual yang terdapat di dalam karya ini dengan baik.
- S.6 Soalan ini menghendaki calon menghuraikan kepentingan kandungan (*content*) dalam sesebuah karya seni. Soalan ini tidak menjadi pilihan oleh majoriti calon. Namun calon yang memilih soalan ini dilihat dapat menjawab soalan ini dengan baik.
- S.7 Soalan ini menjadi pilihan tertinggi pada calon untuk menjawabnya. Soalan ini menghendaki calon membuat analisis terhadap pengolahan hal benda dan komposisi dalam karya Georgette Chen yang bertajuk *Rambutan and Mangosteens*. Majoriti calon menguasai aspek formal dengan baik dan dapat membuat analisis pengolahan hal benda dan komposisi terhadap karya tersebut.
- S.8 Soalan ini menghendaki calon membincangkan perbezaan utama antara gaya penampilan seni tradisi dengan gaya penampilan seni moden. Soalan ini tidak menjadi pilihan majoriti calon dan calon yang menjawabnya kurang faham untuk membezakan seni tradisi dan seni moden. Calon tidak membuat perbezaan. Majoriti calon hanya menerangkan salah satu gaya penampilan sahaja.

BAHAGIAN C

- S.9 Soalan ini menghendaki calon membincangkan pernyataan “Kefahaman apresiasi dapat meletakkan karya seni pada kedudukan yang sebenar”. Penggunaan bahasa, membuat ayat, menyambung fakta, dan isi oleh calon sangat lemah. Hal ini menyebabkan perbincangan yang ingin disampaikan oleh calon sukar menampakkan kefahaman calon terhadap pernyataan itu.
- S.10 Soalan ini menjadi pilihan oleh majoriti calon. Soalan ini menghendaki calon membahaskan pernyataan “Aspek formal memberikan kekuatan kepada sesebuah karya seni visual”. Calon dilihat lemah dalam membahaskan kekuatan aspek formal dalam pernyataan tersebut. Majoriti calon hanya menjawab secara pengetahuan asas berkenaan dengan aspek formal dalam seni.

SENI VISUAL (970/2)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 2 2019, sebanyak 8 311 orang calon menduduki peperiksaan mata pelajaran ini dan 92.26% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Pencapaian calon mengikut gred adalah seperti berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	21.73	5.31	8.35	7.48	14.60	19.34	15.45	2.59	3.97	1.18	0.00

RESPONS CALON

KERTAS 2 (*Lukisan*)

Komen am

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalan ini berbentuk gubahan idea iaitu calon diberikan bahan atau gambar untuk menghasilkan sesuatu idea yang baharu.

Komen soalan

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan rekaan kostum sebagai maskot sempena Hari Alam Sekitar dengan menjadikan gambar bunga seri pagi (*morning glory*) sebagai idea rujukan. Soalan terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian (a) memerlukan calon untuk menghasilkan satu lukisan kajian berdasarkan sifat objek. Majoriti calon dapat melukis secara realistik dengan baik merujuk kepada gambar yang diberi. Bahagian (b) memerlukan calon untuk menghasilkan tiga lakaran untuk gubahan rekaan maskot daripada bahan itu. Namun begitu, terdapat calon-calon yang tidak tahu apakah itu maskot. Hal ini menyebabkan lakaran gubahan rekaan maskot tidak mengikut kehendak soalan dan memberikan kesan pengurangan markah. Daripada tiga lakaran tersebut, calon perlu memilih satu lakaran dan menghasilkan lukisan lengkap maskot pada bahagian (c). Kekuatan calon ialah kemahiran melukis yang baik dan menghasilkan idea-idea yang kreatif.